



SIARAN MEDIA

600 KOMUNITI KAMPONG BHARU DAN PELAJAR TAHFIZ SERTAI PROGRAM KHATAM AL-QURAN DAN ILMIAH

KUALA LUMPUR, 17 Februari 2019 - YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyertai Program Khatam Al Quran dan Ilmiah sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. Program ini disertai oleh 600 peserta komuniti Kampong Bharu dan juga pelajar tahfiz sekitar WP Kuala Lumpur diadakan di Masjid Jamek Kampong Bharu.

Kampong Bharu dipilih sebagai lokasi penganjuran program ini kerana bersesuaian dengan identiti tempat tersebut yang mana masih mengekalkan ciri-ciri kemelayuan dan keislaman walaupun berada di tengah-tengah bandaraya. Penduduk Kampong Bharu sentiasa menjadikan masjid sebagai tempat berkumpul dan berjumpa sama ada untuk menunaikan solat mahupun aktiviti rukun tetangga. Oleh itu, pemilihan Masjid Jamek Kampong Bharu merupakan pilihan terbaik penganjuran program pada hari ini kerana mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk Kuala Lumpur dan juga komuniti Kampong Bharu sendiri.

Oleh kerana itu, Kementerian Wilayah Persekutuan masih mengekalkan penganjuran program ini di dalam bulan sambutan Hari Wilayah Persekutuan kerana program seperti ini sentiasa dinanti-nantikan oleh warga Wilayah Persekutuan. Tahun lalu program ini diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan yang mana KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong turut perkenan bercemar duli.

Keistimewaan program Khatam Al-Quran di Kuala Lumpur kali ini menampilkan Mufti Wilayah Persekutuan yang menjadi ikon masyarakat Malaysia dengan mengadakan slot Soal Jawab Bersama Mufti Wilayah Persekutuan. Selain itu, aktiviti memanah, alunan qasidah, pameran dan perkhidmatan kaunter agensi kerajaan serta jualan makanan turut diadakan. Lebih istimewa, bubur lambuk Kampong Bharu yang menjadi kegemaran orang ramai semasa bulan Ramadan turut diedarkan secara percuma kepada semua hadirin.

Penganjuran program ini bukan sahaja menyemarakkan aktiviti sambutan Hari Wilayah Persekutuan, malah mengeratkan ukhuwah serta memperkuuhkan semangat perpaduan ummah serta menambahkan ilmu pengetahuan dan pengisian kerohanian warga Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur.

####

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu
03 2692 6733 / 03 2693 5733
Hilmi - 017 2796385 / Wahida - 013 5877952